

Kerjaya Prospek menang kontrak pusat data pertama bernilai RM858 juta

September 3, 2026



Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Kerjaya Prospek, Tee Eng Tiong

KUALA LUMPUR: Kerjaya Prospek Group Bhd melalui anak syarikat milik penuhnya, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd, meraih kontrak pusat data pertamanya bernilai RM858 juta, sekali gus menandakan pencapaian penting kumpulan itu dalam menceburi sektor pusat data berpertumbuhan tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif, Tee Eng Tiong, berkata kontrak besar bernilai RM858 juta itu merupakan kejayaan penting untuk Kerjaya Prospek ketika syarikat itu memulakan penerokaannya ke dalam sektor pusat data.

"Kami melihat projek ini sebagai titik permulaan yang kukuh untuk membina kehadiran kami dalam ruang pusat data.

"Selain menyumbang kepada nilai perolehan kontrak dalam tangan kami, projek ini akan terus meningkatkan lagi keupayaan, rekod prestasi pelaksanaan dan kepakaran industri kami, sekali gus meletakkan kami pada kedudukan yang lebih baik untuk meneroka pelbagai peluang yang lebih luas dalam sektor berpertumbuhan tinggi ini," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kontrak terbaharu itu menjadikan jumlah keseluruhan kontrak baharu yang diraih oleh Kerjaya Prospek pada 2026 sebanyak RM3.2 bilion, sekali gus mengukuhkan lagi prospek pendapatan dan senarai projek pembinaan kumpulan berkenaan.

"Nilai perolehan kontrak dalam tangan kami yang tertunggak kini mencecah rekod RM5.9 bilion, menyediakan asas yang kukuh untuk menyumbang kepada pendapatan yang berterusan dalam tempoh beberapa tahun akan datang," kata Eng Ting.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, Kerjaya Prospek memaklumkan kontrak itu akan dimulakan pada suku ketiga 2026 dan akan siap dalam tempoh lapan bulan dari tarikh ia bermula.

-BERNAMA